

# Rakyat mahu pemimpin berintegriti urus negara

Oleh Zuhaimi Abdul Rahim  
bhrencana@bh.com.my

**Pemimpin** adalah tonggak utama dalam masyarakat, tetapi ketua berintegriti tidak mudah untuk ditemui. Pemimpin berintegriti pada asasnya pasti mempunyai kesedaran tinggi terhadap tanggungjawab dan amanah perlu dicurahkan kepada rakyat.

Selain itu, personaliti yang baik sebagai pemimpin amat berperanan besar mencorakkan kehidupan sesebuah masyarakat. Namun, pemimpin baik adalah mereka yang menjadikan al-Quran dan sunah sebagai panduan utama dalam kepemimpinannya.

Apabila kita sebut kepemimpinan, sudah tentu kita mahu seseorang pemimpin memiliki sifat dan sikap terpuji seperti amanah, jujur, berintegriti dan berkarisma.

Firman Allah SWT di dalam Surah al-Anfal, ayat ke-27 bermaksud: *"Wahai orang beriman. Jangan kamu mengkhianati amanah Allah dan rasulnya, serta jangan kamu mengkhianati amanah kamu, sedang kamu mengetahui salahnya"*.

Amanah memberi maksud luas, bukan sahaja

bersikap jujur dan benar, malah mencakupi setiap tanggungjawab atau tugas untuk dilaksanakan.

Amanah adalah sikap berkait rapat dengan kepercayaan dan melambangkan tahap keimanan seseorang. Pemimpin hebat memiliki wawasan dan matlamat untuk membawa kemajuan kepada negara serta kesejahteraan rakyat.

Hari ini, selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU), kita tidak mahu pemimpin dibutakan dengan jawatan disandang dan mengabaikan amanah dipertanggungjawabkan untuk kepentingan diri, keluarga serta kroni.

Bagaimanapun, menjadi tanggungjawab umat Islam mengambil berat dalam soal pemilihan pemimpin. Dalam konteks Malaysia, umat Islam perlu membabitkan diri memilih pemimpin 'tepat' dan 'kuat' melalui pilihan raya.

## Miliki ketajaman pemikiran

Tepat dan kuat bukan bermaksud dari segi fizikal sahaja, tetapi seseorang pemimpin itu harus kuat ketajaman pemikiran dalam kepemimpinannya. Sebagai contoh, apabila pemikiran pemimpin lemah, sudah tentu ancaman atau kemudaratan akan menggugat kestabilan sesebuah pentadbiran.

Justeru, kita mahu pemimpin kuat untuk mengelak kelemahan dalam mengatur masa depan organisasi atau lesu buah fikiran dalam menghadapi cabaran semasa serta kekurangan idea dalam mengendalikan urus tadbir sesebuah negara.

Oleh yang demikian, personaliti pemimpin juga merujuk kepada kemampuan seseorang mengambil peranan mempengaruhi orang lain ke arah kebaikan. Setiap pemimpin yang memiliki sifat jujur dan berintegriti dapat memberi kepercayaan sepenuhnya dalam kepemimpinannya.

Ketidajuran bukan sahaja menyakiti diri sendiri, malah menyakiti orang lain. Justeru, pemimpin perlu sentiasa memupuk kejujuran dan integriti walau di mana mereka berada.

Pemimpin yang pragmatis, berkarisma dan beriman sudah tentu dapat membuat keputusan lebih baik, komunikasi terbuka dan juga mewujudkan persekitaran positif.

Kesimpulannya, rakyat pula, khususnya umat Islam mesti bersatu memilih atau menjadi pemimpin yang sentiasa ada sikap tanggungjawab, amanah, kuat dan jujur supaya ia menjadi mercu kekuatan perpaduan serta kesejahteraan masyarakat dalam negara kita.



Pengarah Pusat Islam, Universiti Putra Malaysia (UPM)